

FAQ BERKAITAN SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN) DAN PERMOHONAN PINJAMAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Pendeposit dan Penerima Manfaat?

Pendeposit ertinya:-

- i. **Mana-mana warganegara yang membuka akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sama ada untuk diri sendiri atau mana-mana rakyat Malaysia lain sebagai penerima manfaat;**
- ii. **Mana-mana orang Malaysia yang dinamakan sebagai Penerima Manfaat tidak layak sekali-kali untuk menjadi pendeposit melainkan akaun asalnya ditutup; dan**
- iii. **lanya hendaklah berumur 18 tahun atau lebih.**

Penerima Manfaat ertinya:-

- i. **Mana-mana orang Malaysia yang dinamakan untuk menerima manfaat atas pembukaan akaun SSPN oleh mana-mana Pendeposit;**
- ii. **Penerima yang berhajat untuk menjadi pendeposit kepada anak-anaknya atau mana-mana orang lain hendaklah terlebih memohon untuk menutup akaun asalnya; dan**
- iii. **la hendaklah berumur antara 1 hari hingga 28 tahun jika ianya bukan untuk Akaun Diri Sendiri.**

2. Apakah had umur untuk Pendeposit dan Penerima Manfaat?

Pendeposit SSPN hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas manakala had umur Penerima Manfaat adalah antara 1 hari hingga 28 tahun (1 hari sebelum hari lahir ke 29 tahun). Penerima Manfaat yang telah mencapai umur 29 tahun dan ke atas hendaklah membuka untuk dirinya sendiri. Secara khususnya kategori had umur pembukaan akaun SSPN adalah seperti berikut:-

- Kategori 1 :** **Akaun dibuka oleh ibubapa/penjaga atau warganegara yang lain untuk mana-mana warganegara yang berumur 18 tahun ke bawah dan boleh mengekalkannya sehingga umur genap 28 tahun;**
- Kategori 2 :** **Warganegara yang berumur 18 tahun ke atas mempunyai pilihan samada untuk membuka akaun sendiri atau dibuka oleh ibu bapa/penjaga.**
- Kategori 3 :** **Warganegara yang berumur 29 tahun ke atas , perlu membuka akaun sendiri**

3. Bolehkah Pendeposit menjadi Penerima Manfaat atau sebaliknya?

Pendeposit dalam masa yang sama boleh menjadi Penerima Manfaat apabila akaun dibuka olehnya sendiri (selagi beliau tidak mempunyai akaun SSPN yang telah dibuka oleh ibu bapa/penjaga). Sebaliknya Penerima Manfaat tidak boleh menjadi Pendeposit kecuali ianya telah mencapai umur 18 tahun dan telah menutup akaun yang telah dibuka oleh ibu bapa/penjaganya.

4. Berapakah bilangan maksimum Penerima Manfaat bagi setiap Pendeposit?

Setiap Pendeposit dihadkan boleh membuka tidak lebih dari 99 akaun untuk mana-mana Penerima Manfaat yang lain dan termasuk satu akaun untuk dirinya sendiri.

5. Berapakah bilangan maksimum Pendeposit bagi setiap Penerima Manfaat?

Setiap Penerima Manfaat boleh mempunyai lebih daripada 1 akaun SSPN yang dibuka oleh ibu atau bapa atau penjaga atau mana-mana rakyat Malaysia yang lain.

6. Bolehkan Penerima Manfaat mempunyai lebih daripada 1 akaun?

Seseorang Penerima Manfaat boleh mempunyai lebih daripada 1 akaun sahaja iaitu akaun yang dibuka oleh ibu atau bapa atau penjaga atau mana-mana rakyat Malaysia yang lain.

7. Adakah Pendeposit dan Penerima Manfaat mesti terdiri dari ahli keluarga terdekat?

Tidak semestinya. Mana-mana rakyat Malaysia juga boleh membuka akaun untuk rakyat Malaysia yang lain.

8. Bolehkan setiap anak (adik beradik) mempunyai Pendeposit yang berlainan? Contoh: pendeposit untuk anak pertama adalah ayah, anak ke-2 ialah datuk dan anak ke-3 ialah bapa saudara.

Boleh.

9. Apakah kelebihan/keistimewaan yang diperolehi oleh Pendeposit dan Penerima manfaat?

Kategori 1:-

Pendeposit iaitu ibu bapa atau penjaga yang sah mengikut undang-undang berumur 18 tahun dan ke atas; dan

Penerima manfaat mesti berumur 1 hari hingga 28 tahun.

Keistimewaannya:

- i. Geran sepadan untuk keluarga berpendapatan bulanan tidak melebihi RM2,000;**
- ii. Perlindungan Insurans untuk pendeposit maksima RM50,000 jika pendeposit berumur tidak melebihi 65 tahun;**
- iii. Khairat kematian untuk pendeposit dan anak pendeposit layak perlindungan insuran;**
- iv. Pelepasan cukai pendeposit ke atas simpanan akaun anak-anaknya;**
- v. Dividen tahunan; dan**
- vi. Layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN.**

Kategori 2:-

**Pendeposit yang bukan ibu bapa atau penjaga yang sah mesti berumur 18 tahun dan ke atas; dan
Penerima manfaat mesti berumur 1 hari hingga 28 tahun.**

Keistimewaannya:

- i. Perlindungan Insurans untuk pendeposit maksima RM50,000 jika pendeposit berumur tidak melebihi 65 tahun;**
- ii. Khairat kematian untuk pendeposit dan anak pendeposit layak perlindungan insuran;**
- iii. Dividen tahunan; dan**
- iv. Layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN.**

Kategori 3:-

Pendeposit membuka akaun untuk dirinya sendiri.

Keistimewaannya:

- i. Perlindungan Insurans untuk pendeposit maksima RM50,000 jika pendeposit berumur tidak melebihi 65 tahun;**
- ii. Khairat kematian untuk pendeposit jika pendeposit layak perlindungan insuran;**
- iii. Dividen tahunan; dan**
- iv. Layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN.**

10. Adakah setiap pemohon pinjaman PTPTN diwajibkan mempunyai akaun SSPN?

Surat Pekeliling PTPTN Bil.1 Tahun 2008 bertarikh 28 Januari 2008 menetapkan setiap pemohon pinjaman PTPTN diwajibkan mempunyai akaun SSPN sebelum memohon pinjaman PTPTN. Bakal peminjam adalah diingatkan untuk memastikan pembukaan akaun SSPN dibuat selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum permohonan pinjaman dibuat.

11. Adakah Pemohon Pinjaman PTPTN (Pendeposit) perlu mempunyai akaun SSPN sekiranya beliau telah pun membuka akaun SSPN kepada mana-mana Penerima Manfaat? Contoh: Pemohon adalah bapa saudara yang juga Pendeposit kepada Penerima Manfaat.

Ya, setiap pemohon perlu mempunyai akaunnya sendiri walaupun akaun dibuka kepada Penerima Manfaat. I

12. Adakah Pemohon Pinjaman PTPTN (bukan Pendeposit) perlu mempunyai akaun SSPN sekiranya Penerima Manfaat (anak kepada pemohon) telah pun mempunyai akaun SSPN? Contoh: Pemohon adalah bapa kepada Penerima Manfaat. Walaubagaimanapun pemohon tidak menjadi Pendeposit kepada Penerima Manfaat tersebut sebaliknya Pendeposit adalah abang kepada pemohon / bapa saudara kepada Penerima Manfaat.

Pemohon perlu membuka akaun SSPN yang dibuka untuk dirinya sendiri sekiranya ingin memohon pinjaman PTPTN. Bagaimanapun Penerima manfaat tidak perlu membuka akaunnya sendiri kerana telah mempunyai akaun yang telah dibuka oleh pendeposit bagi tujuan pinjaman pendidikan.

13. Apakah jumlah simpanan SSPN yang diperlukan untuk melayakkan mendapat pinjaman PTPTN ditentukan mengikut pendapatan ibu bapa atau penjaga atau pendeposit?

Ya, dengan kadar simpanan berikut:-

- i. Ibu bapa/penjaga berpendapatan isi rumah melebihi RM2,000.00 sebulan perlu mempunyai penabungan tidak kurang dari RM3,000.00; dan
- ii. Ibu bapa/penjaga berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,000.00 sebulan perlu mempunyai penabungan tidak kurang dari RM500.00

(Dasar penetapan had penabungan wajib telah dikecualikan pada masa kini, walaubagaimanapun pemohon pinjaman diwajibkan mempunyai akaun SSPN dengan simpanan RM20 sebelum layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN)

14. Sekiranya setiap anak mempunyai pendeposit yang berlainan, adakah jumlah simpanan SSPN tersebut boleh digabungkan untuk melayakkan mendapat pinjaman PTPTNnya?

Ya, jumlah simpanan boleh digabungkan.

(Pengecualian dasar penetapan had penabungan wajib sama seperti soalan 13 di atas)

15. Siapakah (kategori pemohon pinjaman PTPTN) yang boleh dikecualikan daripada syarat tabungan dalam SSPN?

Anak yatim piatu, penerima bantuan zakat/baitulmal dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Anak yatim piatu yang berumur 29 tahun dan ke atas perlu mempunyai akaunnya sendiri.

16. Bilakah tempoh terakhir yang ditetapkan untuk membuka akaun SSPN sebelum boleh membuat permohonan pinjaman PTPTN?

2 minggu sebelum permohonan pinjaman pendidikan PTPTN.

17. Sekiranya permohonan pinjaman diluluskan, adakah jumlah pinjaman tersebut ditolak daripada jumlah simpanan SSPN pemohon?

Tidak, jumlah simpanan dalam SSPN adalah merupakan syarat untuk melayakkan seseorang itu memohon pinjaman PTPTN.

18. Bolehkan simpanan SSPN digunakan untuk membuat bayaran balik pinjaman PTPTN atau agensi lain?

Boleh.

19. Adakah simpanan SSPN dipotong secara automatik sekiranya peminjam tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut tempoh yang telah ditetapkan?

Tidak.

20. Bilakah simpanan SSPN boleh dikeluarkan?

Pengeluaran hanya boleh dibuat selepas 1 tahun menyimpan. Terdapat 2 jenis pengeluaran iaitu:-

- i. **Pengeluaran sekali setahun pada kadar 10% daripada baki akaun atau RM500 mengikut mana yang terendah; atau**
- ii. **Pengeluaran 100% atau penutupan akaun SSPN sekiranya penerima manfaat memenuhi salah satu daripada kriteria berikut:-**
 - a. **Diterima masuk ke IPT ;**
 - b. **Terkeluar daripada sistem pendidikan secara sukarela atau diberhentikan atas sebab-sebab tertentu;**
 - c. **Sakit berterusan yang tiada peluang untuk sembuh dengan pengesahan doktor perubatan Kerajaan;**

- d. Keilatan kekal dengan pengesahan doktor perubatan Kerajaan;
- e. Kematian penerima manfaat; atau
- f. Kematian pendeposit.

21. Bagaimanakah untuk mengeluarkan simpanan SSPN?

Membuat tuntutan terus ke Pejabat PTPTN (dengan membawa dokumen berkaitan seperti salinan kad pengenalan pendeposit, buku akaun pendeposit, kad keahlian SSPN penerima manfaat, surat tawaran universiti/ surat akuan doktor dan dsb; atau

Membuat tuntutan pengeluaran menerusi agen kutipan : dapatkan borang pengeluaran di kaunter-kaunter agen, sertakan dokumen berkaitan dan hantar menerusi agen kutipan.

22. Siapakah yang boleh mengeluarkan simpanan SSPN?

Pendeposit sahaja. Penerima Manfaat tidak boleh mengeluarkan simpanan. Jika Pendeposit telah meninggal dunia, penama yang dinamakan boleh menguruskan pengeluaran simpanan SSPN dan menyertakan bersama Sijil Kematian Pendeposit/Penerima Manfaat, kad keahlian SSPN (asal), MyKad pendeposit/MyKid Penerima Manfaat dan salinan hadapan buku akaun waris.

23. Adakah caj dikenakan jika ingin mengeluarkan simpanan SSPN?

Tiada caj dikenakan.

24. Sekiranya pemohon telah berumur lebih 29 tahun adakah akaun SSPN perlu ditukar ke akaun sendiri?

Ya.

25. Adakah anak yatim piatu atau penerima bantuan jabatan kebajikan masyarakat atau pusat zakat/baitulmal, wajib mempunyai akaun SSPN sebelum permohonan pinjaman dikemukakan?

Tidak diwajibkan tetapi perlu disertakan dokumen sokongan seperti surat pengesahan dari jabatan kebajikan / rumah anak yatim / baitulmal.

26. Sekiranya saya anak yatim piatu tetapi telah berumur lebih dari 29 tahun adakah wajib mempunyai akaun SSPN sebelum permohonan pinjaman dikemukakan?

Wajib

27. Adakah mereka yang membuka akaun SSPN selepas pelajar mengemukakan permohonan pinjaman mereka perlu membuat permohonan semula pada kelompok seterusnya.

Ya. Setiap permohonan yang diproses tetapi tidak memenuhi syarat-syarat kelukusan pinjaman, permohonan tersebut akan ditolak. Permohonan semula hanya boleh dibuat jika pelajar sesudah dua minggu pelajar selesai membuka akaun SSPNnya.

28. Sekiranya saya sendiri tidak mempunyai akaun SSPN tetapi isteri saya dan anak-anak ada akaun adakah saya layak memohon pinjaman.

Tidak layak, anda dinasihatkan membuka akaun sendiri selewatnya 2 minggu sebelum permohonan pinjaman dikemukakan

29. Di mana akaun SSPN boleh dibuka?

Akaun SSPN boleh di buka di kaunter One Stop Center PTPTN di KL Sentral atau semasa promosi bergerak SSPN. Selain itu, ianya juga boleh dibuka melalui ejen-ejen kutipan yang dilantik seperti:

- i. Bank Simpanan Nasional;**
- ii. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad;**
- iii. Bank Pertanian Malaysia;**
- iv. Bank CIMB (dahulunya Bumiputra-Commerce Bank Berhad);**
- v. Bank Islam Malaysia Berhad; dan**
- vi. Maybank.**

30. Apakah kaedah simpanan yang boleh dilaksanakan oleh semua penyimpan?

- i. Tunai/cek cawangan bank (in house cheque) di semua ejen/kaunter PTPTN;**
- ii. Arahan Tetap (Standing Instruction) – BSN sahaja;**
- iii. Debit Terus (Auto Debit) – BPM;**
- iv. Potongan gaji**
 - a. Kakitangan awam – melalui Akauntan Negara (AG) Bermula pada Ogos 2007;**
 - b. Biro Perkhidmatan Angkasa: dan**
 - c. Potongan gaji agensi dan badan berkanun – melalui majikan (tertakluk persetujuan majikan)**
- v. Secara online menerusi e-SSPN khusus bagi pelanggan bank Hong Leong Bank Berhad, Public Bank Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, CIMB Bank dan Maybank; atau**
- vi. ATM, Mesin Deposit Tunai, Phone Banking dan Maybank2u.com – Maybank.**

31. Bagaimanakah penyimpan yang ingin mengetahui baki simpanan mereka?

Semakan baki akaun SSPN boleh disemak atau dicetak melalui laman web: www.ptptn.gov.my. Sementara semakan baki akaun boleh disemak melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan menaip: PTPTN SSPN<JARAK>NO AKAUN SSPN dan hantar ke 33199. Contoh: PTPTN SSPN 017401160354610

32. Bagaimana caranya jika ibubapa/penjaga yang berminat ingin membuka akaun SSPN?

Bagi ibu bapa yang berminat untuk membuka akaun SSPN, mereka perlu melengkapkan borang permohonan SSPN yang terdapat di ejen-ejen kutipan, di kaunter promosi bergerak SSPN yang diadakan dari semasa ke semasa (sila rujuk di laman web PTPTN) atau datang terus ke kaunter One Stop Center PTPTN di KL Sentral berserta dengan salinan dokumen-dokumen berikut :

- i. Salinan MyKad/Kad Tentera/Kad Polis Pendeposit;**
- ii. Salinan MyKad/Sijil Kelahiran/MyKid penerima manfaat; dan**
- iii. Surat perakuan/sijil anak angkat, bagi pendeposit yang ingin membuka akaun bagi anak angkat di bawah jagaan mereka yang sah.**

Pendeposit yang berpendapatan keluarga tidak melebihi RM2,000 sebulan, adalah layak untuk dipertimbangkan pemberian Geran Sepadan. Salinan dokumen pasangan seperti MyKad/Kad Tentera/Kad Polis dan salinan slip gaji/penyata pendapatan yang terkini hendaklah disertakan bersama.